

Headline	Usah salah tafsir laporan PAC, elak timbul spekulasi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Jul 2019	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	6
ArticleSize	170 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,631		



## Usah salah tafsir laporan PAC, elak timbul spekulasi

**Putrajaya:** Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir berharap tiada salah faham berkaitan hubungannya dengan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

"Saya sama sekali tidak mahu sebarang laporan media oleh pihak tertentu mengenai laporan PAC (Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara) disalah tafsir yang boleh menimbulkan salah faham atau persoalan awam mengenai hubungan saya dengan YB menteri kewangan.

"Saya ingin menegaskan sokongan penuh ke atas usaha Menteri Kewangan untuk memastikan bayaran balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sebanyak RM19.4 bilion dikembalikan kepada syarikat yang membuat tuntutan dan telah melalui proses verifikasi Jabatan Kastam Diraja Malaysia antaranya adalah kumpulan korporat terbesar di Malaysia seperti PETRONAS, Shell dan **Tenaga Nasional Bhd.**

"Saya sependapat dengan rumusan laporan PAC bahawa sunguhpun tidak ada kehilangan wang dalam kutipan hasil GST, ia telah digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan," katanya.

Ahmad Badri berkata, beliau juga menyokong rumusan PAC bahawa kerajaan sebelum ini telah memasukkan semua hasil kutipan GST ke dalam Akaun Hasil Disatukan terlebih dahulu dan kemudian dipindahkan secara berperingkat apabila diperlukan, seperti diputuskan Jawatankuasa Pembayaran Balik GST ke Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST.

"Ini tidak selaras dengan peruntukan Seksyen 54(2) dan Seksyen 54(5) Akta GST 2014 seperti yang dinyatakan oleh Peguam Negara," katanya.

Selain itu, katanya, sejak dilantik pada tahun lalu, beliau mempunyai hubungan baik dan memberi kerjasama penuh kepada Menteri Kewangan.

"Saya turut serta dalam pelbagai tugas rasmi di luar negara dan yang terkini adalah lawatan kerja ke China pada awal bulan ini.

"Saya menghargai keterbukaan Menteri Kewangan untuk mendengar semua idea dan menghormati perbezaan pandangan dalam mencapai keputusan yang terbaik bagi mencapai visi ke arah urus tadbir CAT - Cekap, Akauntabiliti dan Telus," katanya.

Beliau berkata, Kementerian Kewangan juga berjaya meyakinkan agensi penarafan kredit untuk mengekalkan taraf kredit antarabangsa Malaysia pada tahap A- atau A3.